

29 OCT 1998

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI BRUNEI UNTUK LAWATAN KERJA DUA HARI

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja dua hari bagi berbincang dengan Sultan Hassanal Bolkiah mengenai isu-isu dua hala termasuk usaha bersama Malaysia dan Brunei dalam menangani masalah ekonomi serantau.

Lawatan Dr Mahathir ke negara yang kaya dengan minyak ini menandakan permulaan siri rundingan Malaysia-Brunei yang telah dipersetujui antara Dr Mahathir dan Sultan Hassanal Bolkiah yang juga Perdana Menteri Brunei.

Kedua-dua pemimpin itu telah bersetuju di Kuala Lumpur tahun lepas untuk mengadakan pertemuan setiap tahun bagi bertukar-tukar pendapat tentang hal-hal serantau dan antarabangsa yang berkaitan.

Yang mengiringi Dr Mahathir bagi lawatan itu ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Semasa berada di sini Dr Mahathir akan menginap di Rumah Tetamu Darut Takwa.

Dr Mahathir dijadual menemui masyarakat Malaysia di Rumah Malaysia dan akan turut menerima sumbangan berjumlah RM42,000 daripada mereka untuk Dana Khas Negara.

Selepas menghadiri jamuan tengah hari yang diadakan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Wan Yusof Embong di sini hari ini, Perdana Menteri akan ke Istana Nurul Iman untuk majlis penghadapan dengan Sultan Hassanal Bolkiah.

Ini akan diikuti dengan pertemuan seorang sama seorang antara kedua-dua pemimpin itu.

Dr Mahathir juga dijadual menghadiri jamuan malam yang diadakan oleh Sultan Hassanal Bolkiah di Kelab Polo Jerudong malam ini.

Esok Dr Mahathir akan bersama-sama Sultan Brunei itu pada majlis santapan pagi sebelum berlepas pulang.

Aturcara yang berasing telah disusun bagi Dr Siti Hasmah termasuk lawatan ke Kompleks Yayasan Sultan Hassanal Bolkiah.

Ini merupakan lawatan kerja kedua Dr Mahathir ke Brunei tahun ini. Beliau berada di sini pada 18 Feb lepas untuk lawatan kerja semalaman bagi berunding dengan Sultan Hassanal Bolkiah. Kedua-dua pemimpin itu bertemu lagi di Kuala Lumpur pada 28 Feb lepas apabila Sultan Brunei itu melakukan lawatan kerja semalaman ke Malaysia.

Perdagangan antara Malaysia dan Brunei bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini berjumlah RM595.7 juta. Jumlah bagi seluruh tahun 1997 ialah RM830.8 juta.

-- BERNAMA

ES NMO